

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [ PETALING JAYA ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah siasatan, penangkapan dan pendakwaan bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bermula dari Oktober 2018 sehingga September 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula dari Oktober 2018 sehingga September 2019, jumlah kes yang disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) adalah sebanyak 153 kes. Daripada bilangan tersebut, tiada kes yang didakwa dan dikenakan kompaun.